

■

SMK XYZ
25050 KUANTAN, PAHANG

Tasawwur Islam
5226
November 2022
2 ½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022

TASAWWUR ISLAM

Dua Jam Tiga Puluh Minit

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 - 20	20	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
	5	20	
	6	20	
JUMLAH		100	

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan objektif pelbagai bentuk.
3. **Bahagian B** mengandungi **enam** soalan subjektif. Jawab mana-mana **empat** soalan.
4. *Jawab semua soalan Bahagian A dan Bahagian B di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[20 Markah]

Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

1. Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.
2. Islam ialah agama yang praktikal iaitu mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
3. Satu kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta secara halal.
4. Jual beli sesuatu barangan dengan maklumat harga bersama-sama tambahan margin keuntungan.

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

khilafah	khalifah	takaful	al-ijarah	asnaf	rasul
----------	----------	---------	-----------	-------	-------

5. Tabarru' ialah peserta skim _____ mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar.
6. Antara _____ yang berhak menerima zakat ialah fakir dan miskin.
7. Wahyu akan diturunkan kepada _____ untuk dirinya dan disampaikan kepada orang lain.
8. _____ ialah sistem pemerintahan islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat patuh kepada syariat Allah.

Soalan 9 dan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan prinsip-prinsip negara Islam.


Prinsip-prinsip Negara Islam	Pernyataan
As-Syura	Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
X	Membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis berdasarkan ketentuan akidah, syariat dan akhlak.
Al-Huriyyah	Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.
Y	Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.

9. X ialah _____.

10. Y ialah _____.

Soalan 11 dan 12

Lengkapkan carta berikut dengan jawapan yang betul berkaitan dengan ciri-ciri muamalat Islam.



11. V ialah _____.

12. W ialah _____.

Soalan 13 hingga soalan 15

Tentukan perkara berikut sama ada Fardu Ain atau Fardu Kifayah.

Perkara	Jenis Ibadat
Solat jenazah	Fardu Kifayah
Mengeluarkan zakat	X
Solat Fardu	Fardu Ain
Bekerja sebagai guru	Y
Membuat penyelidikan	Z

13. X ialah _____.

14. Y ialah _____.

15. Z ialah _____.

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Hukuman bagi penzina yang muhsan ialah 100 sebatan.

☐

17. Matlamat sistem perundangan Islam adalah semata-mata menegakkan keadilan.

☐

18. Antara prinsip pergaulan ialah menjaga batasan aurat.

☐

19. Akal mampu memikirkan perkara ghaib dan tidak berubah.

☐

20. Al-Quran mengandungi 30 juzuk.

☐

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1 (a) (i) Nyatakan maksud iman. [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** ciri malaikat. [2 markah]

Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.

(b) (i) Berikan **dua** konsep akidah Islam. [2 markah]

(ii) Rasul diutuskan kepada manusia dengan tujuan tertentu. Bincangkan. [4 markah]

(c) Jelaskan **dua** kesan pengabaian sistem ekonomi Islam. [4 markah]

(d) (i) Jelaskan **dua** ciri pekerjaan menurut Islam. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** kesan pekerjaan yang haram kepada masyarakat. [4 markah]

2 (a) (i) Berikan maksud wahyu. [2 markah]

(ii) Huraikan **dua** fungsi wahyu terhadap akhlak manusia. [4 markah]

(b) Jelaskan **dua** keistimewaan al-Quran. [4 markah]

(c) Huraikan **dua** kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. [4 markah]

Ali telah didakwa atas kesalahan mencuri telefon bimbit di sebuah kedai telekomunikasi.

- (d) (i) Nyatakan prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahannya [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah seseorang murid dapat mematuhi perundangan Islam dalam kehidupannya. Huraikan. [5 markah]

- 3 (a) Nyatakan **empat** tindakan yang boleh dilakukan untuk merapatkan hubungan dalam masyarakat. [4 markah]



- (b) Sebagai bakal pemimpin masa hadapan, anda perlu mempunyai sifat yang tertentu. Jelaskan. [6 markah]
- (c) (i) Berikan **empat** jawatan yang diwujudkan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran wilayah pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin. [4 markah]
- (ii) Jelaskan ciri pentadbiran dan pengurusan Islam. [2 markah]
- (d) Nyatakan **empat** syarat khalifah. [4 markah]

- 4 (a) Apakah maksud ibadat umum berserta contoh. [3 markah]
- (b) Senaraikan **empat** contoh akhlak mahmudah. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** ciri Syumuliyah. [4 markah]
- (d) Berikan **tiga** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam. [3 markah]


Umar dengan rela melakukan akad (kontrak) bagi menyewa rumah miliknya selama setahun kepada Abu Bakar dengan kadar sewa RM 500 sebulan.

- (e) (i) Siapakah pemberi sewa dan penyewa dalam pernyataan di atas? [2 markah]
- (ii) Bincangkan kebaikan yang diperolehi oleh pemberi sewa atau penyewa menerusi kaedah sewaan dalam sistem muamalat Islam. [4 markah]
- 5 (a) (i) Jelaskan **dua** keistimewaan insan. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** peringkat alam yang dilalui oleh manusia mengikut urutan. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan. [4 markah]

Kadar jenayah dalam kalangan remaja meningkat: Polis

- (b) (i) Berikan contoh jenayah yang sering dilakukan oleh remaja. [1 markah]
- (ii) Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan cara untuk anda menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. [5 markah]

- (c) Nyatakan **dua** bentuk hukuman bagi kesalahan takzir. [2 markah]



- 6 (a) (i) Nyatakan **dua** jenis hiburan yang dibenarkan oleh Islam. [2 markah]
- (ii) Berhibur secara Islam dapat membentuk individu yang taat kepada Allah SWT. Bincangkan. [4 markah]
- (b) Berikan **empat** konsep kesenian Islam. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** aspek yang terdapat di dalam Piagam Madinah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam. [4 markah]
- (d) Berikan **empat** cara yang boleh dilakukan untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT